

Flet Seri Pahang sambut Maulid

KUALA LUMPUR: Madrasah Makmuriyah di Flet Sri Pahang, di sini dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menganjurkan majlis sambutan Maulidur Rasul 2008, minggu lalu.

Program bertujuan mempertingkatkan kesedaran belia supaya beramal serta menanamkan kasih dan cinta kepada Rasulullah.

Majlis pada tahun ini dianjurkan bersama Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pejabat Belia dan Sukan Wilayah Pantai dan Majlis Belia Kawasan Lembah Pantai.

Sambutan Maulidur Rasul amat meriah dengan kehadiran beberapa orang sampingan turut diartikan bagi menyeronokkan majlis seper-

ti perarakan, pertandingan hafazan dan azan dan forum Maulidur Rasul.

Turut hadir Ketua Pengerah DBKL, Datuk Salleh Yusup, Pengerah Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia, Mejar Jen Datuk Jamil Khir Baharom, Naib Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia, Mohd Radhuan Tee Abdullah dan Nik Salida Suhaila Nik Salleh dari Universiti Sains Islam Malaysia (Usim).

Salleh dalam ucapan perasmian berkata, program itu dapat mengeratkan hubungan terjalin antara penduduk sekitar dan seterusnya mencetus suasana tenang dan aman damai di perumahan DBKL yang terulung ini. Katanya, beliau yakin program itu dijadikan



SAMBUT...Salleh bersalaman dengan jawatankuasa penganjur sebelum majlis bermula.

contoh kepada semua komuniti yang ada di bawah seliaan DBKL pada masa akan datang.

Beliau berkata, pihak-

nya juga berharap program kemasyarakatan, pendidikan dan aktiviti sebegini akan berterusan dari semasa ke semasa

kerana ianya dapat memberi manfaat kepada semua khususnya golongan belia yang bakal memimpin negara.